



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

MOSTI TECH TALKS 2025 – MALAYSIA’S JOURNEY TO SPACE: INSPIRING THE NEXT GENERATION OF PIONEERS

KOTA KINABALU, 9 Mei 2025 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) meneruskan penganjuran MOSTI Tech Talks siri ketiga dengan topik, **‘Malaysia’s Journey to Space: Inspiring the Next Generation of Pioneers’** bertempat di Dewan Bankuasi, Dewan Canselor, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu dan MOSTI berkolaborasi bersama UMS sebagai penganjur bersama.

Dalam ucapannya, YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata “Sektor angkasa bukan sekadar pencapaian teknologi, ia adalah pemacu daya saing ekonomi, kedaulatan negara dan kelestarian masa depan. Pada tahun 2023 sahaja, ekonomi angkasa Malaysia mencatatkan hasil RM1.05 bilion – namun potensi sebenar jauh lebih besar. Dengan pasaran global dijangka mencecah USD1 trilion menjelang 2040, kita perlu melahirkan lebih ramai saintis, jurutera dan inovator tempatan. Saya menyeru para pelajar untuk mengambil peluang ini dengan memperkukuh penglibatan dalam bidang STEM. MOSTI akan terus menyokong aspirasi ini melalui dasar, dana dan kerjasama rentas sektor. Bersama, kita akan memacu Malaysia sebagai peneraju teknologi tinggi serantau selaras dengan nilai MADANI dan matlamat negara berpendapatan tinggi menjelang 2030.”

Program diteruskan dengan Perkongsian oleh YB Menteri sebagai panel utama dengan topik *Malaysia’s Journey to Space: Inspiring the Next Generation of Pioneers*.

Seterusnya melalui panel kedua, YBhg. Dato’ Kamarul Redzuan Bin Muhamed yang merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Uzma Berhad, sebuah firma pembekalan perundingan tenaga kerja sejak tahun 2000 yang telah menerajui landskap tenaga dan teknologi Malaysia. Dalam pembentangannya berjudul *From Oilfields to Orbit: Why Space is Malaysia’s Next Great Frontier*, beliau menekankan bahawa sektor angkasa bukan sahaja menawarkan peluang dalam bidang sains dan teknologi, tetapi juga membuka ruang luas untuk keusahawanan dan inovasi.

“Dengan pertumbuhan pesat ekonomi angkasa global, didorong oleh peningkatan permintaan terhadap teknologi komunikasi, navigasi, dan perkhidmatan pemerhatian bumi, data yang diperoleh daripada satelit akan memainkan peranan lebih penting dalam pelbagai industri, daripada pertanian dan pengurusan bencana kepada logistik dan perancangan bandar. Sebagai seorang usahawan, saya melihat ini sebagai peluang emas untuk generasi muda Malaysia meneroka, berinovasi, dan mencipta nilai dalam ekosistem industri angkasa. Ini bermula dengan menyemai rasa ingin tahu, memupuk cita-cita, dan membuka minda pelajar dan generasi seterusnya bahawa sektor angkasa bukan hanya terhad kepada satelit dan angkasawan sahaja, tetapi juga untuk jurutera, penganalisis data, ahli sains, pembuat dasar dan usahawan teknologi,” kata beliau.

Segmen terakhir adalah sesi soal jawab yang berlangsung dengan pelbagai soalan menarik daripada para peserta. Sesi yang dikendalikan oleh YBrs. Dr. Elena Woo Lai Leng, Pegawai Penyelidik, Bahagian Kejuruteraan dan Teknologi Angkasa, Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) ini berlangsung selama satu jam.

Selaras dengan prinsip MADANI sebagai panduan dan fokus MOSTI yang berteraskan kepada konsep P.R.E.C.I.S.E - People Centric, R&D, Enculturate, Capacity Building, Investment dan Start-ups Ecosystem - yang diperkenalkan oleh YB Menteri sejak tahun 2023, setiap program yang dilaksanakan hendaklah memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Pendekatan ini memastikan sains, teknologi dan inovasi (STI) dapat dirasai dan dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat dalam kehidupan seharian. Bagi menyokong aspirasi ini, **MOSTI Tech Talks 2025** telah diperkenalkan dengan YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, sebagai panel utama.

Program siri ketiga Tech Talks pada hari ini turut dihadiri oleh pengurusan tertinggi MOSTI dan pengurusan UMS. Sambutan yang amat menggalakkan, dengan kehadiran lebih 250 peserta, termasuk kakitangan UMS dan pelajar universiti. MOSTI Tech Talks menjadi platform penting untuk menyebarkan pengetahuan STI serta menggalakkan interaksi langsung antara kepimpinan kementerian dan masyarakat akademik.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
9 MEI 2025

